

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4 APRIL 2016

PM saksikan tiga perjanjian Pelan Induk Petrokimia Sarawak

KUCHING 3 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyaksikan tiga perjanjian antara kerajaan Sarawak dengan Petrolim Nasional Berhad (Petronas) yang ditandatangani menerusi Pelan Induk Petrokimia Sarawak, di sini hari ini.

Perjanjian pertama ditandatangani ialah Perjanjian Prinsip antara kerajaan Sarawak dengan Petronas berkaitan pembekalan 450 juta standard meter padu sehari gas asli kepada sektor tenaga dan bukan tenaga di negeri ini.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Setiausaha Kerajaan negeri, Tan Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani manakala Petronas diwakili Naib Presidennya merangkap Ketua Pegawai Eksekutif (Huluan), Datuk Mohd. Anuar Taib.

Di bawah perjanjian tersebut, Petronas akan membekalkan 250 juta standard meter padu sehari gas asli kepada syarikat utiliti milik kerajaan negeri, Sarawak Energy Berhad (SEB) bagi kegunaan loji janakuasa sedia ada di Tanjung Kidurong, Bintulu dan loji janakuasa baharu berkapasiti 1,200 megawatt (mW) di Taman Perindustrian Samalaju, Bintulu.

Selain itu, perjanjian yang ditandatangani di bawah Pelan Induk Petrokimia Sarawak itu, turut menyaksikan persetujuan Petronas untuk membekalkan baki 200 juta standard meter padu sehari gas asli kepada Sarawak sebagai bahan mentah untuk industri petrokimia di negeri ini.

Sementara itu, perjanjian kedua pula membabitkan Perjanjian Jualan Gas (GSA) antara Petronas dengan SEB yang ditandatangani oleh Mohd. Anuar dan SEB diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Torstein Dale Sjøtveit serta Ahli Lembaga Pengarah, Datuk Fong Joo Chung.

Melalui perjanjian tersebut, Petronas bersetuju memperbaharui kerjasama untuk membekalkan 100 juta standard meter padu sehari gas asli kepada SEB bagi loji janakuasa di Bintulu selama 20 tahun.

Perjanjian baharu ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan komitmen Petronas untuk membekalkan 250 juta standard meter padu sehari gas asli kepada SEB bagi sektor kuasa di Sarawak.

Seterusnya, Najib menyaksikan memorandum persefahaman (MoU) antara kerajaan negeri dengan Petronas untuk bekerjasama

menjalankan kajian dalam Pelan Induk Petrokimia Sarawak.

Perjanjian ketiga yang ditandatangani oleh Mohamad Morshidi dan Naib Presiden Kanan (Strategi Korporat) Petronas, Adif Zulkifli itu akan membabitkan kedua-dua pihak bekerjasama melaksanakan kajian teknikal, komersial dan ekonomi untuk pembangunan petrokimia di negeri ini.

Dalam majlis sama, Mohamad Morshidi turut menyerahkan lesen kepada Petronas untuk operasi pemasangan penjanaan elektrik di loji janakuasa gas asli cecair (LNG) Bintulu bagi memulakan Projek LNG Train 9.

Lesen yang dikeluarkan oleh Unit Inspektorat Elektrik (EIU) di bawah Kementerian Kemudahan Awam negeri itu akan membolehkan Petronas memulakan pembinaan loji janakuasa LNG daratan terbaru menjelang suku kedua tahun ini.

Yang turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem; Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II negeri, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan serta Menteri Perumahan negeri, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg.

um - 4/4/2016